



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 27 SEPTEMBER 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	QUAIL EGG FARMER RISES ABOVE LOSS – TURNS MEAT TO FLOSS, NATION, THE STAR -8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	DIKOMPAUN KALI KEDUA LEPASKAN TERNAKAN BERKELIARAN, NEGARA, KOSMO -14	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
3. 4. 5.	MARITIM MALAYSIA TAHAN DUA BOT NELAYAN VIETNAM, NEGARA, KOSMO -12 BOT NELAYAN VIETNAM 'SYOK' TANGKAP IKAN DITAHAN APMM, LOKAL, HM -12 TEKONG BOT TERJUN LAUT, DALAM NEGERI, UM -38	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6. 7. 8. 9.	VENTURING INTO MODERN FARMING, NATION, THE STAR -12 OUTGOING ENVOY HAS DONE WELL IN MALAYSIA – CHINA TIES, FOCUS, SUNDAY STAR -19 5 BULAN DAH DAPAT HASIL, XPRESI, METRO AHAD -35 PERMINTAAN SENTIASA BERTAMBAH, XPRESI, METRO AHAS -36	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Quail egg farmer rises above loss - turns meat to floss

**TANAH MERAH:** Although the Covid-19 pandemic has adversely affected many people, it has also come as a blessing in disguise for others.

Quail breeder Abdul Khairan Firdaus Abdul Rahim, who incurred huge losses when his quail egg sales were badly affected due to the movement control order (MCO), managed to save himself by coming up with the idea of producing a new product, namely quail serunding (floss).

"I had to slaughter almost all of my 20,000 quails, which resulted in me having 5,000kg of meat," he said when met at a Farmers Organisation Authority event here last week.

The quick thinking of the man from Kampung Tok Uban, Pasir Mas, near here, not only saved him from incurring more losses but also helped him make a profit.

"I met with an acquaintance in Tumpat who owns a business producing serunding to collaborate with him and successfully produced 500kg quail serunding," said 38-year-old Abdul Khairan Firdaus.

He started venturing into quail breeding for eggs at Kampung Tirók Gual Ipoh here in 2015.

Since economic activities are slowing reviving, the father of two is starting to sell quail



**Egg-celent business:** Agriculture and Food Industry Deputy Minister Datuk Che Abdullah Mat Nawi (left) visiting Abdul Khairan Firdaus' quail farm in Kampung Tirók Gual Ipoh in Tanah Merah, Kelantan.

eggs for the local market.

His farm, which now has about 3,000 quails, can produce 15,000 eggs daily.

Abdul Khairan Firdaus said that besides serunding, he also makes quail mini popiah.

He is now able to record monthly sales of RM40,000.

"I am also selling my products online and through agents, and there are 64 agents nationwide and one agent in Singapore," said the entrepreneur under the Tabung Pembangunan Usahaniaga programme.

Abdul Khairan Firdaus said he had planned to market his products abroad. — Bernama



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/9/2020	KOSMO	NEGARA	14

## Dikompaun kali kedua lepaskan ternakan berkeliaran

**KUALA SELANGOR** – Kedegilan seorang penternak lembu yang melepaskan haiwan itu tanpa jagaan di Taman Ilmu, Bestari Jaya di sini, memakan diri apabila dikompaun kali kedua oleh pihak berkuasa di sini kelmarin.

Operasi khas pukul 6 petang itu hasil maklumat orang awam selepas haiwan ternakan itu memasuki kawasan laluan awam dan taman perumahan.

Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Rahilah Rahmat berkata, semasa serbuan dilakukan, pihaknya mendapati lelaki berusia 50an itu sempat menghalau haiwan ternakannya memasuki kandang.

“Kita telah mengeluarkan satu kompaun serta-merta kepada individu tersebut Seksyen 5 (1) Enakmen Mengawal Lembu-Kerbau 1971.

“Semakan mendapati lelaki tersebut pernah dikompaun atas kesalahan sama pada Julai lalu dengan melakukan kesalahan di tempat sama,” katanya dalam kenyataan di sini kelmarin.

Beliau memberitahu, dalam



**ANGGOTA MDKS menangkap kambing yang berkeliaran di sekitar Bestari Jaya, Kuala Selangor, dalam satu operasi khas petang semalam.**

operasi yang turut disertai Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Selangor dan Jabatan Veterinar Kuala Selangor yang dijalankan di sekitar kawasan Bestari Jaya, Ijok dan Jeram berjaya merampas tiga ekor kambing.

Ujarnya, bagaimanapun pemilik kambing tersebut gagal dikesan dari kompaun akan di-

serahkan kepada individu itu sekiranya tampil untuk menuntut haiwan tersebut.

“Objektif kita jelas iaitu mencegah haiwan ternakan seperti lembu, kambing dan kerbau berkeliaran di kawasan awam yang boleh membahayakan pengguna jalan raya,” jelasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/9/2020	KOSMO	NEGARA	12

# Maritim Malaysia tahan dua bot nelayan Vietnam

**KEMAMAN** – Dua bot nelayan Vietnam yang disyaki menceroboh perairan Terengganu di tahan kapal peronda Maritim Malaysia (APMM), kelmarin.

Kedua-dua bot nelayan tersebut ditahan pada kedudukan 130 dan 131 batu nautika dari perairan Kuala Kemaman antara pukul 10.53 pagi hingga 11.19 pagi.

Pengarah Zon Maritim Kemaman, Rashidilhadi Abd. Rashid berkata, Kapal Maritim (KM) Gemia yang sedang mengadakan rondaan telah tersempak dengan kedua-dua bot berkenaan.

“Sewaktu ditahan kedua-dua bot nelayan Vietnam itu sedang leka menangkap ikan secara puakat gading.

“Seramai 24 nelayan Vietnam termasuk dua tekong berusia dalam lingkungan 20 hingga 61 tahun berjaya diberkas,” katanya pada sidang akhbar di Markas Zon Maritim Kemaman dekat sini semalam.

Rashidilhadi berkata, pemeriksaan mendapati kesemua suspek tidak memiliki dokumen perjalanan dan permit kerja sah.

Tambah beliau, dua bot nelayan Vietnam itu juga tidak mempunyai permit sah daripada Jabatan Perikanan untuk menangkap ikan di perairan negara.

“Hasil laut, bot, peralatan menangkap ikan dan minyak diesel yang dianggarkan bernilai RM3 juta telah disita,” ujarnya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/9/2020	HARIAN METRO	LOKAL	12

# Bot nelayan Vietnam 'syok' tangkap ikan ditahan APMM

**Chukai:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menahan dua bot nelayan Vietnam selepas hampir dua jam mengejar kedua-dua bot terbabit, kelmarin.

Kedua-dua bot nelayan asing itu dikesan sedang menangkap ikan secara tunda ganding pada jarak 130 serta 131 batu nautika dari perairan Kemaman jam 10.53 pagi dan 11.20 pagi.

Pengarah APMM Kemaman, Komander Maritim Rashidhadi Abd Rashid berkata, kapal maritim Gemia yang sedang melakukan rondaan Op Iman dan Op Kuda Laut mengesan kehadiran bot terbabit lalu bergegas ke lokasi kejadian.

Menurutnya, sebaik menyedari kehadiran pihak berkuasa, kedua-dua bot terbabit memotong pukut lalu melarikan diri.

"Kami mengejar kedua-dua bot terbabit sejauh 12 batu nautika se-

belum memintas dan menahan mereka.

"Pemeriksaan mendapati nelayan asing terbabit gagal menunjukkan lesen bot dan dokumen pengenalan diri serta tiada kebenaran menangkap ikan dalam perairan negara.

"Selepas diperiksa, kami merampas hasil laut seberat satu tan, diesel serta peralatan menangkap ikan dianggarkan bernilai hampir RM3 juta," katanya pada sidang media di Pejabat APMM Kemaman di sini, semalam.

Menurutnya, semua nelayan asing dan bot terbabit dibawa ke Jeti Zon APMM Kemaman untuk menjalani ujian saringan Covid-19 oleh pasukan kesihatan sebelum siasatan lanjut dilakukan.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 15 (1) (a) Akta Perikanan 1985 kerana menceroboh dan menangkap ikan dalam perairan negara tanpa kebenaran pihak berkuasa.



## Tekong bot terjun laut

**KANGAR:** Seorang tekong sanggup memperjudikan nyawanya dengan terjun ke dalam laut apabila menyedari kehadiran Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) di kedudukan 0.2 batu nautika dari barat pantai Sungai Baru, di sini, semalam.

Dalam kejadian kira-kira pukul 1 pagi itu, Maritim Malaysia menahan sebuah bot kerana melakukan aktiviti penangkapan ikan menggunakan pukot rawa sorong.

Pengarah Zon Maritim Kuala Perlis, Komander Maritim Mohd. Shafie Paing berkata, aktiviti bot tersebut dikesan semasa bot Maritim Malaysia sedang melakukan rutin rondaan di sekitar perairan negeri ini.

"Semasa menghampiri bot tersebut, bot peronda Maritim Malaysia terlanggar objek keras di permukaan air iaitu buluh panjang yang digunakan untuk menangkap

ikan dan disyaki dibuang oleh tekong bot terbabit sebelum melarikan diri sebaik sahaja menyedari kehadiran pihak berkuasa.

"Bot peronda Maritim Malaysia mengejar bot terbabit dan mendapati seorang tekong terjun ke laut meninggalkan bot dan berenang melarikan diri ke daratan berhampiran," katanya di sini semalam.

Menurut Mohd. Shafie, pemeriksaan lanjut ke atas bot tersebut mendapati tiada hasil tangkapan yang ditemukan dan disyaki baru sahaja keluar untuk menangkap ikan.

Tambahnya, anggaran nilai rampasan bot terbabit berserta enjin sangkut bergalah adalah sekitar RM6,000.

"Bot tersebut dibawa ke jeti Zon Maritim Kuala Perlis untuk disiasat di bawah Seksyen 8 (a) Akta Perikanan 1985 kerana menggunakan peralatan yang tidak dibenarkan untuk menangkap ikan.



**SEBUAH** bot ditahan kerana menangkap ikan menggunakan pukot rawa sorong di kedudukan sekitar 0.2 batu nautika dari barat pantai Sungai Baru, Perlis, semalam.

# Venturing into modern farming

## Kundasang farmers turn to aquaponics

**KUALA LUMPUR:** In the cool, hilly area of Kundasang in Ranau, about 100km from Kota Kinabalu, a small group of young farmers are trying their hand at cultivating vegetables using aquaponics and hydroponic techniques.

Under the guidance of the Kinabalu Area Farmers Organisation (PPK), the farmers in Kampung Desa Aman in Kundasang have gone into aquaponics and hydroponics since last December.

Their ventures are proving to be lucrative and PPK Kinabalu intends to encourage more young farmers to grow vegetables using these modern and more sustainable techniques.

According to PPK Kinabalu general manager Muhammad Irwan Maruji, the whole cultivation process in aquaponics—starting from planting the seedlings until they were ready for harvesting, took about three to four weeks.

"Vegetables harvested from a 223sqm block of aquaponics plants can rake in about RM5,600 in sales a month.

"The capital to start an aquaponics venture, including setting up the pond and a 223sqm block and greenhouse, comes to about RM85,000.

The investment, however, is worthwhile when compared to the returns," Muhammad Irwan said.

Aquaponics farming, he said, was suitable for young entrepreneurs keen to get involved in agriculture.

In aquaponics farming, aquaculture (rearing of aquatic animals such as freshwater fish or prawns in tanks) is combined with

hydroponics (cultivating plants without soil) in an integrated system where the aquatic waste serves as nutrients for the plants which, in turn, purifies the water in the tank.

Pointing out that vegetable farmers in Kundasang and other parts of Sabah were badly hit during the initial stage of the movement control order, Muhammad Irwan said under the Federal Government's Prihatin Rakyat Economic Stimulus Plan (Prihatin), each PPK in Sabah was allocated RM100,000 to RM200,000 to revitalise the agricultural sector.

Elaborating on PPK Kinabalu's aquaponics venture with local farmers on a 2.83ha site in Kampung Desa Aman, Muhammad Irwan said vegetables such as red coral lettuce, green coral lettuce, mustard plant and celery were being cultivated as they were suitable for aquaponics farming.

As for the aquatic component, tilapia fish and catfish are being reared.

"Aquaponics vegetables are chemical-free as no other fertiliser is used with the exception of fish waste," Muhammad Irwan said.

Sabah State Farmers Organisation (PPN) acting general manager Mohd Sabri Jaludin, meanwhile, said with the allocation his agency received under Prihatin, they planned to implement a cattle fattening project which was expected to have a positive impact on the state's economic cycle.

In view of the project's potential to contribute to the growth of the state's gross domestic product, Mohd Sabri said they planned to increase the cattle to 320 heads by next year.



By HO WAH FOON  
wahfoonto@thestar.com.my

AMBASSADOR Bai Tian, who will be heading home next month, reportedly to take up a higher post in Beijing after serving as top Chinese diplomat here for nearly three years, has achieved most of the goals he has set out for himself. Indeed, he has notably created a new era in Malaysia-China relations.

One of the most important work he has done as China's ambassador to Malaysia since late 2017 is to engage with the local Malay community in building up people-to-people relations - an aspect unfulfilled during the times of his predecessors.

The energetic 49-year-old set himself three targets in his new job when he first arrived: working towards elevating China-Malaysia ties to a higher level, hastening economic cooperation and building closer people-to-people relations.

In the past three years, the embassy has sponsored talks on China at Malay-majority seminars and encouraged China's state companies in Malaysia to carry out community work in various Malay villages.

During the Hari Raya period in 2019, he surprised many by hosting a Hari Raya Open House at the Chinese Embassy. This was the first such do organised by a non-Muslim embassy. The function lured all ethnic groups - mainly Malays.

"He is respected by all races. He mixes around. A lot of people - including Malays - want to do favours for him now," says Tan Sri Ter Leong Yap, president of the Associated Chinese Chamber of Commerce and Industry of Malaysia.

"He is warm, friendly, hardworking and down to earth. When we telephoned him, he would meet to talk - even at an ordinary restaurant. No protocol. He gave a lot of ideas on how to promote our tourism to China," Ter tells *Sunday Star*. Although China and Malaysia have struck a comprehensive strategic partnership, Bai sees it fit to further strengthen bilateral economic relations.

Although efforts in bringing in investments were hampered by political instability and the change in government twice in Kuala Lumpur, bilateral trade continued

# Outgoing envoy has done well in Malaysia-China ties

Political and Covid-19 challenges in Kuala Lumpur did not deter Ambassador Bai Tian from striving to achieve his goals during his three-year stint here.



**bilateral relations"**  
The revival of Bandar Malaysia, reportedly to have a gross development value of RM160 billion, is another project Bai Tian has played a key role in, according to Ter.  
Being Bai's good friend, he said: "These mega projects, together with the Kuantan-China Industrial Park, will help Malaysia lure more Chinese investors into the country."  
Despite hiccups during the Pakatan administration, Malaysia and China have maintained strong relations. Tun Dr Mahathir Mohamad, initially very critical of Chinese projects, had made two official visits to Beijing during his 22 months in office.

"Bai Tian's mastery and astute skill in diplomacy, his attention to local issues as well as his regular engagements with the Chinese community has helped him forge a strong sense of trust with the business community and government," economist Lee Heng Gue, a familiar face at Chinese Embassy functions, observes.

"The true friendship and strategic partnership between Malaysia and China was further cemented during the Covid-19 pandemic, with Bai Tian facilitating the exchange of knowledge and technical expertise with Malaysia in combating the virus," Lee tells *Sunday Star*.

Indeed, China was the first country to deliver face masks and other medical personal protective equipment supplies to Malaysia as soon as the novel coronavirus hit the country.

Oh Ei Sun, senior fellow at the Singapore Institute of International Affairs, shares his view: "I think Bai Tian and his team have tried their best to keep bilateral relations close despite political, pandemic and economic challenges."

Netizens have conferred upon Bai Tian various awards that include 'Musang King salesman' and 'durian to promote Malaysian work in promoting Malaysian durian to China.'

is a key project of the Belt and Road Initiative set by Chinese President Xi Jinping.

"It was not an easy time for Bai Tian to deal with the new Malaysian leaders then. But he and his team worked very hard to negotiate with the Malaysian government to get the FCRL back to life again," says Datuk Keith Li, president of the China Entrepreneurs' Association in Malaysia.

In his three years here, Bai Tian has worked with three governments under three different prime ministers. Li observes: "Each time, it involved a lot of adjustment and getting to know new policies and the leaders. It was a real daunting task to manage

is to bring in over three million travellers per year from Beijing, but the Covid-19 pandemic has undermined his goal.

Whatever it is, Malaysian durian has definitely become the darling of Chinese nationals, who previously knew only about Thai durian.

Bai Tian has also worked hard to persuade Beijing to buy more Malaysian palm oil and encourage Malaysians to seek business opportunities in China, according to Ter.

On bilateral projects, Bai Tian is recognised as having played a key role in rescuing the East Coast Rail Link (ECRL) in 2019, after the then Pakatan Harapan government that came into power in May 2018 suspended the project alleging irregularities.

This government-to-government rail project, settled with a lower price tag at RM44 bil in April 2019,

to breach the US\$1,000 bil mark. In 2019, the amount rose to US\$123.9 bil.

In promoting durian to China, he is said to have done an excellent job that no Malaysian can match. For this, the social media has conferred upon him "awards" that include "the best durian salesman" and "Musang King ambassador".

Through a 1.5-minute tiktok show, the loyal durian fan introduced Musang King to 1.3 billion Chinese nationals as though he was an expert. Telling them in Mandarin that they must come for Musang King, he described in detail the unique taste of the flesh inside the King of Fruits.

Indeed, promoting durian is part of his strategy to lure more Chinese tourists into Malaysia. The target, he has set for himself



# 5 BULAN DAH DAPAT HASIL

Bonyamin tanam 1,300 pokok lada solok di kawasan seluas satu hektar

## AGRO

Oleh Ramli Ibrahim  
am@metro.com.my

Berkat kegigihan mengusahakan tanaman lada solok, memberi kejayaan kepada individu di Kampung Limau Kasturi, Gua Musang, Kelantan ini apabila memberi pulangan hasil lumayan.

Malah, 1,300 pokok ladang solok yang ditanam di kawasan satu hektar itu dapat mengeluarkan hasil kira-kira 300 hingga 400 kilogram seminggu mampu memenuhi pasaran.

Bonyamin Mat Noh,

52, berkata, tanaman lada solok secara fertigasi sejak 10 bulan lalu tidak mengambil masa panjang untuk mengeluarkan hasil iaitu hanya lima bulan selepas ditanam.

Dia cuba tanam lada itu peringkat percubaan dengan 300 pokok sebelum diperluaskan kepada 1,300 selepas permintaan semakin bertambah.

Hasil lada solok itu dihantar ke Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjung Kota Bharu seminggu sekali kerana permintaan tinggi daripada pemborong.

"Alhamdulillah, apa yang saya usahakan selama ini sudah membuktikan

kejayaan dan saya akan menanam lada itu untuk pusingan seterusnya.

"Lagipun, harga lada solok tetap tinggi walaupun ada persaingan dengan kemasukan daripada negara jiran," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Menurut Bonyamin, dia mengisi lada solok itu dalam satu plastik sebanyak lima kilogram dan dijual pada RM45 setiap satu beg plastik.

Pernah pasaran lada itu mencecah RM100 bagi setiap beg plastik seberat lima kilogram sebelum turun semula kepada RM45 sekarang. > 36



ZILAWANI turut membantu mengredkan lada solok sebelum diisi dalam plastik.



BONYAMIN menyusun beg plastik yang sudah siap diisi lada solok untuk di hantar ke RTC Kota Bharu.



SETIAP pokok lada solok diusahakan Bonyamin mengeluarkan hasil yang mampu menjana pendapatan.



27/9/2020

METRO  
AHAD

XPRESI

36

# PERMINTAAN SENTIASA BERTAMBAH

Selain isteri, tiga anak bantu Bonyamin pada cuti hujung minggu

DARI MUKA 35

Katanya, tanaman lada solok itu bukan saja memberi peluang pekerjaan kepada ahli keluarga sendiri, tetapi juga penduduk kampung.

"Di samping itu, saya juga turut membeli lada yang diusahakan penduduk sekitar kampung untuk memberi sumber pendapatan kepada mereka," katanya.

Sayur-sayuran lain ada juga dipasarkan, tetapi permintaan tidak sama dengan lada solok yang tidak pernah mencukupi dan permintaan bertambah.

Katanya, mengusahakan tanaman lada solok itu juga bukan kerja mudah kerana sentiasa berada dalam kebun mengawal musuh tanaman.

Malah dia mengakui kejayaan dalam mengusahakan tanaman ladang solok tidak mungkin dicapai tanpa bantuan isterinya, Zilawani Mustafa, 37.

Jika cuti hujung minggu iaitu Jumaat dan Sabtu, dia turut dibantu tiga anaknya berusia antara 10 hingga 17 tahun.

"Saya menimba pengalaman mengusahakan tanaman ini daripada rakan di daerah lain di Kelantan.

"Tetapi kaedah tanamannya lain daripada saya lakukan menerusi fertigasi yang menjimatkan tanah dan mudah subur," katanya.

Sementara itu, Zilawani pula berkata, suaminya itu banyak menghabiskan masa seharian di kebun dan

syukur kepada Tuhan kerana usaha yang dilakukan itu memberi pulang lumayan.

"Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak penularan pandemik Covid-19 bermula 18 Mac lalu juga membuatkan saya memberi tumpuan kepada

berkebudai tanam lada solok," katanya.

Pelaksanaan PKP itu sehingga kini tidak menghalang Bonyamin dan isteri untuk berbudi kepada tanah malah mereka yakin hasilnya mampu menampung perbelanjaan keluarga.

Di samping itu, saya juga turut membeli lada yang diusahakan penduduk sekitar kampung untuk memberi sumber pendapatan kepada mereka

## BONYAMIN



BONYAMIN menunjukkan setiap beg plastik diisi lima kilogram lada solok untuk dipasarkan.



BONYAMIN menimbang sendiri setiap beg plastik yang diisi dengan lada solok.



PEKERJA Bonyamin mengisi 400 kilogram lada solok ke dalam plastik.